



Untuk Terbitan Media
10 Mei 2024

SIARAN MEDIA

PEMANDU SYARIKAT MAUT AKIBAT INSIDEN POKOK TUMBANG, WARIS LAYAK TERIMA FAEDAH PERKESO

SHAH ALAM – Waris keluarga kepada mangsa korban insiden pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur pada 7 Mei lalu, menerima faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata hasil semakan oleh Skwad PERKESO Prihatin mengesahkan bahawa Md Rizal bin Atan, 47 tahun yang disahkan meninggal dunia sewaktu insiden berkenaan merupakan pencarum bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) sejak 1 Januari 1995.

“Sebagai pencarum PERKESO, waris keluarganya layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) berjumlah RM2,000 secara sekali bayar dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) yang dianggarkan berjumlah RM3,400 oleh PERKESO selepas mangsa layak menerima faedah menerusi Skim Bencana Pekerjaan bawah Akta 4.

“Norpahidah binti Mat Zaman, balu kepada Allahyarham Md Rizal bakal menerima FOT untuk sepanjang hayat, manakala empat anaknya yang masing-masing berumur antara 3 hingga 18 tahun diberikan manfaat sama sehingga berusia 21 tahun jika belum berkahwin dan boleh dilanjutkan sekiranya menyambung pengajian ke peringkat ijazah pertama,” jelasnya lagi.

Terdahulu Md Rizal bekerja sebagai pemandu di Tele Dynamics Global Com Sdn. Bhd sejak 2018 meninggal dunia semasa dalam perjalanan ke sebuah hotel untuk menjemput

tetamu syarikat majikannya akibat terlibat dalam insiden pokok tumbang.

Steven Sim memberitahu, kesedaran majikan dalam melunaskan tanggungjawab untuk mencarum pekerjaannya telah meringankan beban keluarga pekerjaannya melalui episod hitam ini menerusi perlindungan jaringan keselamatan sosial pemberian PERKESO menerusi sokongan kewangan.

Dalam ziarah prihatin ini juga Steven Sim turut menyampaikan sumbangan wakallah dan kotak prihatin PERKESO kepada waris keluarga dalam program Ziarah Prihatin ke kediaman waris di Shah Alam.

Turut hadir pada ziarah prihatin ini Menteri Wilayah Persekutuan, Dr. Zaliha Mustafa; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh; Ketua Pegawai Strategi dan Transformasi PERKESO, Edmund Cheong Peck Huang, serta Pengarah PERKESO Negeri Selangor, Ismail Abi Hashim.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal

Korporat 10 Mei 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my